



KERAJAAN SARAWAK

SOP KERJA PEMBINAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA



**Version 1.0
(23.08.2021)**



PEMATUHAN UMUM

1

Semua kontraktor boleh menyambung semula kerja.

2

Semua pekerja dan kakitangan di Tapak perlu lengkap divaksinasi sebelum menyambung semula kerja.

3

Individu yang telah lengkap divaksinasi adalah individu yang telah memenuhi kriteria- kriteria berikut:

i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau

ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

4

Pelawat yang diluluskan penguasa tapak, klien dan SO perlu lengkap divaksinasi sebelum dibenarkan masuk tapak binaan.





PEMATUHAN UMUM

5

Kapasiti Pekerja di Premis/Tapak

Merujuk kepada SOP JPBNS semasa.

6

Ujian pengesanan Covid-19 adalah **WAJIB** bagi semua pekerja (bagi tapak pembinaan yang mempunyai kapasiti pekerja melebihi 20 orang) sebelum menyambung semula kerja. Ujian pengesanan COVID-19 yang diterima adalah RT-PCR (Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction).

7

Ventilasi di Premis/Tapak

Merujuk kepada SOP JPBNS semasa.





PEMATUHAN UMUM

8

Kebenaran Rentas Daerah

Merujuk kepada SOP JPBNS semasa.

9

Waktu operasi

Merujuk kepada SOP JPBNS semasa.

10

SOP CIDB & SOP JPBNS mesti dipatuhi di semua premis/tapak.





INFOGRAFIK



INFOGRAFIK



KEBENARAN BEKERJA




Semua



Semua kontraktor boleh menyambung semula kerja.



VAKSINASI LENGKAP COVID 19



Semua pekerja dan kakitangan di Tapak perlu lengkap divaksinasi sebelum menyambung semula kerja.

INFOGRAFIK


**DEFINISI VAKSINASI LENGKAP COVID 19**

ATAU



Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua.

Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

**VAKSINASI LENGKAP COVID 19 UNTUK PELAWAT TAPAK**

Pelawat yang diluluskan penguasa tapak, klien dan SO perlu lengkap divaksinasi sebelum dibenarkan masuk tapak binaan.

INFOGRAFIK



KAPASITI PEKERJA



Kapasiti pekerja di premis/tapak mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



UJIAN PENGESANAN COVID 19



Kapasiti
Pekerja
>20 orang



Ujian pengesanan Covid-19 adalah WAJIB bagi semua pekerja (bagi tapak pembinaan yang mempunyai kapasiti pekerja melebihi 20 orang) sebelum menyambung semula kerja. Ujian pengesanan COVID-19 yang diterima adalah RT-PCR (Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction).



INFOGRAFIK



VENTILASI DI PREMIS/TAPAK



Ventilasi di premis/tapak mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



KEBENARAN RENTAS DAERAH



Kebenaran Rentas Daerah mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



INFOGRAFIK



WAKTU BEROPERASI & WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN



Waktu operasi & waktu kehadiran pelanggan mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



PEMATUHAN SOP



SOP CIDB



SOP JPBNS




INFOGRAFIK



MENYEDIA DAN MENYIMPAN DOKUMEN



Menyediakan dan menyimpan dokumen berikut di tapak bina / premis untuk disemak oleh pihak yang diberi kuasa.



INFOGRAFIK



MEMPAMERKAN TANGGUNGJAWAB DI DALAM SOP



Mempamerkan tanggungjawab yang dinyatakan dalam SOP ini ditempat yang boleh dilihat.



KENDERAAN PENGANGKUTAN PEKERJA



Kenderaan pengangkutan pekerja perlulah disediakan untuk pergerakan pekerja.

Kenderaan pekerja hendaklah :



Menjalankan proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali selepas digunakan dan direkod untuk tujuan pemeriksaan



Terhad kepada pergerakan diantara penginapan pekerja dengan tapak bina sahaja



INFOGRAFIK



PEKERJA DI TAPAK PEMBINAAN



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan pekerja di tapak pembinaan

Penggiliran



Bekerja di
Rumah



Mesyuarat
Maya



Bilangan pekerja di tapak bina / premis
hendaklah disesuaikan bagi membolehkan
penjarakan fizikal (1 m)



Amalan 3 W (Wash, Wear,
Warn) iaitu kerap mencuci
tangan dengan sabun, memakai
pelitup muka dan amaran untuk
tidak bersalaman, menutup
mulut ketika bersin / batuk,
melakukan disinfeksi dan
mendapatkan rawatan ketika
bergejala perlu dilaksanakan



Amalan 3 C (Crowded Places,
Confined Space, Close
Conversation) iaitu mengelak
dari tempat sesak, tertutup dan
sempit, serta mengelak dari
bersempang secara dekat
perlu dilaksanakan

Bagi tapak pembinaan yang
mempunyai kapasiti pekerja
melebihi 20 orang



Semua pekerja (tempatan dan asing)
di tapak bina wajib menjalani Ujian
Pengesanan COVID-19 sebelum
memulakan kerja



INFOGRAFIK



PERGERAKAN PEKERJA PEMBINAAN



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan Pergerakan Pekerja Pembinaan



Sekiranya kawalan sempadan negara dibuka, pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan bekerja dan masuk ke tapak bina dalam tempoh 14 hari bermula dari tarikh sampai ke Malaysia.



Semua pekerja binaan tidak dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain



Memastikan keperluan harian pekerja seperti makanan tidak terputus dan disediakan



Pekerja hendaklah membawa pas pekerja yang sah atau surat kebenaran majikan



Pekerja-pekerja binaan hendaklah dipantau dan dipastikan tidak bergaul dengan penduduk setempat

INFOGRAFIK

**PERGERAKAN BAHAN
BINAAN/BEKALAN**

Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan Pergerakan Bahan Binaan/Bekalan



Pergerakan masuk bahan/bekalan ke
tapak bina/premis hendaklah direkodkan



Pemandu/Pembawa bahan/bekalan perlu diimbas suhu badan dan didaftarkan masuk sama ada melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon. Sekiranya suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius dan menunjukkan simptom COVID-19 seperti sakit tekak, batuk, susah bernafas atau selesema, tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan. Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer perlu diamalkan.

INFOGRAFIK



PENGURUSAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan Pengurusan dan Tindak Balas Kecemasan



Melantik seorang atau lebih penyelaras bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja

Penyelaras



Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ("SHO"); atau
Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan ("OSH-C"); atau
Penyelia Tapak Bina ("SSS"); atau
Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
Pemilik syarikat



Mewujudkan Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara pengurusan kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19)



Pegawai Penguasa Projek dan Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kawalan pergerakan keluar dan masuk pekerja di tapak bina serta pematuan SOP di tapak bina



Menanggung kos pembersihan dan nyahkuman di tapak bina/premis



Menanggung kos dan menyediakan penginapan alternatif (sekiranya perlu) bagi tujuan kuarantin kontak rapat yang bekerja di tapak bina/premis

INFOGRAFIK



APLIKASI MYSEJAHTERA



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan penggunaan aplikasi MySejahtera



Pekerja perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat



Bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah dalam pengurusan kes positif COVID-19 dan kontak-kontak kepada kes



Melaporkan kes-kes positif kepada PKD dengan segera setelah mendapati terdapat kes-kes positif di tapak bina dan penginapan pekerja



Menyediakan kod QR MySejahtera di setiap tapak bina/Premis dan memastikan pekerja/pembekal/pelawat atau mana-mana orang yang ingin memasuki premis/tapak bina mendaftar masuk premis/tapak bina menggunakan MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon

INFOGRAFIK




DI PINTU MASUK TAPAK BINA/ PREMIS




Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan di pintu masuk tapak bina/permis



Merekod pergerakan keluar masuk tapak bina dan mengisytiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis untuk pengesanan kontak rapat



Mengimbas suhu badan dan menyaring gejala COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas semua pekerja setiap hari dan direkod



Sekiranya suhu badan melebihi 37.5 celsius, atau mempunyai gejala COVID-19, pekerja tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan



Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer

INFOGRAFIK



SEMASA MELAKUKAN KERJA PEMBINAAN




Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan semasa melakukan kerja pembinaan



Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja



Mengawal pergerakan keluar masuk




Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di antara pekerja diamalkan



Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama



Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimakan



Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi kehendak penjarakan fizikal



INFOGRAFIK



SEMASA MELAKUKAN KERJA PEMBINAAN



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan semasa melakukan kerja pembinaan



Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul



Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti face mask



Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer, dan sentiasa memakai face mask



Melaksanakan proses pembersihan dan nyahkuman di pejabat/premis mengikut Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi KKM



Pekerja yang mempunyai gejala COVID-19 hendaklah segera diasingkan, dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan

INFOGRAFIK



PENGURUSAN WAKTU REHAT



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan pengurusan waktu rehat



Memastikan tiada kesesakan di
kantin/ tempat makan/ ruang rehat/
tempat solat dengan :


- i. Mengatur waktu rehat dalam
kumpulan kecil dan waktu
beperingkat;
- ii. Menyediakan beberapa lokasi
tempat makan/rehat/solat



Memastikan hanya makanan
berbungkus disediakan



Memastikan pengendali makanan
memakai face mask serta sarung
tangan



Memantau semua pekerja setiap masa
agar tidak makan/rehat secara
berkumpul dan sentiasa mengamalkan
penjarakan fizikal sekurang-kurangnya
1 meter

INFOGRAFIK



PENGURUSAN TANDAS



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan pengurusan tandas



Melakukan proses pembersihan dan nyahkuman secara kerap dan berjadual serta direkod



PENGURUSAN BALIK KERJA



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan pengurusan balik kerja



Mengingatkan semua pekerja untuk terus mandi menggunakan air dan sabun serta membasuh pakaian yang telah digunakan sebaik tiba di tempat kediaman



Memaklumkan dengan kadar segera kepada Penyelaras jika terdapat gejala COVID-19 sebarang masalah kesihatan dikalangan pekerja setelah pulang bekerja

INFOGRAFIK



PENGURUSAN TEMPAT KEDIAMAN DI TAPAK BINA/PREMIS



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan pengurusan tempat kediaman di tapak bina/premis




Melakukan pembersihan dan nyahkuman setiap hari dan minimum tiga (3) kali sehari di kawasan gunasama



Menyediakan kemudahan mencuci tangan dan hand sanitizer



Mengimbas suhu badan dan menyaring gejala COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas pekerja setiap hari sebelum memasuki tempat kediaman dan direkod. Pekerja dengan suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius dan menunjukkan gejala COVID-19 tidak dibenarkan bertugas



Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di antara pekerja diamalkan



Menghalang aktiviti berkumpul



Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut



Menghalang kemasukan pelawat kecuali pihak yang diberi kuasa dan penyedia kemudahan

INFOGRAFIK



MENYIMPAN REKOD



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan keperluan menyimpan rekod



Mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan :

- kehadiran pekerja;
- saringan kesihatan;
- pergerakan pekerja; dan
- butiran peribadi pekerja



Menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak bina/premis berhubung dengan :

- Proses pembersihan dan nyahkuman di mana-mana kawasan yang dijangkiti wabak COVID-19, kafeteria/kantin dan tandas; dan
- Pembersihan kawasan-kawasan tapak bina/premis



Menyediakan rekod pengurusan tapak bina/premis berhubung dengan :

- pengurusan risiko;
- pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barangan dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang berurusan;
- pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa; dan
- hebahan dan kesedaran



INFOGRAFIK



MAKLUMAN DAN HEBAHAN SOP



Perkara yang perlu dipatuhi berkenaan makluman dan hebahan SOP



Sentiasa memperingatkan amalan pencegahan jangkitan COVID-19, antaranya, melalui siar raya, mempamerkan poster kesedaran dan teguran kepada pekerja



NOTIS PERINGATAN !!!



KKR menggesa semua penggiat industri pembinaan untuk mematuhi SOP pembinaan terkini bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mempertingkatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan SOP di tapak bina dan juga penempatan pekerja binaan. CIDB mempunyai kuasa untuk menutup tapak pembinaan dan juga mengenakan kompaun kepada tapak-tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan atau melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia), Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990) dan Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988). CIDB juga mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan tatatertib kepada mana-mana kontraktor yang di dapati bersalah yang akan mengakibatkan pendaftaran mereka di gantung atau dibatalkan.

Perincian syarat dan jenis kerja yang dibenarkan dinyatakan dengan jelas di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pembinaan yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai operasi sektor pembinaan di sepanjang tempoh PKP boleh diajukan kepada CIDB Careline di talian 03-5567 3300 (waktu operasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.30 petang).



INFOGRAFIK



ARAHAN TETAP



Pematuhan kepada arahan tetap seperti berikut :

- Peraturan 17 P.U. (A) 278/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi mana-mana SOP yang dikeluarkan oleh CIDB, MKN, KKM dan Agensi yang termasuk dalam rantai bekalan dan perkhidmatan.
- Mematuhi undang-undang bertulis yang berkuatkuasa termasuk Akta 520, Akta 446 dan lain-lain Akta berkaitan.
- Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Patient under investigation & person under surveillance, tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.



INFOGRAFIK



SUMBER RUJUKAN



Sumber Rujukan adalah seperti berikut :

- a) SOP CIDB semasa.
- c) SOP JPBNS (Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak) semasa.



TERPERINCI





KEBENARAN BEKERJA

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Semua kontraktor boleh menyambung semula kerja.



VAKSINASI LENGKAP COVID-19

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Semua pekerja dan kakitangan di Tapak perlu divaksinasi penuh sebelum menyambung semula kerja.
- b) Individu yang telah lengkap divaksinasi adalah individu yang telah memenuhi kriteria- kriteria berikut:
 - i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
 - ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.
- c) Pelawat yang diluluskan penguasa tapak, klien dan SO perlu lengkap divaksinasi sebelum dibenarkan masuk tapak binaan.





UJIAN PENGESANAN COVID-19

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Ujian pengesanan Covid-19 adalah **WAJIB** bagi semua pekerja (bagi tapak pembinaan yang mempunyai kapasiti pekerja melebihi 20 orang) sebelum menyambung semula kerja.
- b) Ujian pengesanan COVID-19 yang diterima adalah RT-PCR (Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction).



VENTILASI DI PREMIS/TAPAK

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Ventilasi di premis/tapak mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



KAPASITI PEKERJA

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Kapasiti pekerja di premis/tapak mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



KEBENARAN RENTAS DAERAH

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Kebenaran Rentas Daerah mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



WAKTU OPERASI & WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Waktu operasi & Waktu Kehadiran Pelanggan mesti merujuk kepada SOP JPBNS semasa.



PEMATUHAN SOP

SOP yang perlu dipatuhi :

- a) SOP CIDB semasa.
- b) SOP Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) semasa.



MENYEDIA DAN MENYIMPAN DOKUMEN

Perkara yang perlu dipatuhi :

Menyediakan dan menyimpan dokumen berikut di tapak bina / premis untuk disemak oleh pihak yang diberi kuasa.

- a) Nama dan nilai projek
- b) Lokasi projek (koordinat GPS)
- c) Butiran pegawai yang dipertanggungjawabkan
 - i. Pengarah Syarikat yang dipertanggungjawabkan.
 - ii. Pegawai Penguasa Projek
 - iii. Ketua Penyelaras
 - iv. Pemilik atau Pengurus yang menguruskan penginapan pekerja.
- d) Jadual Pelaksanaan Projek.
- e) Bilangan dan senarai pekerja Kontraktor / syarikat utama mengikut tred yang terlibat.
- f) Bilangan dan senarai subkontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat (jika berkaitan).
- g) Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan (jika berkaitan).



MENYEDIA DAN MENYIMPAN DOKUMEN

Perkara yang perlu dipatuhi :

Menyediakan dan menyimpan dokumen berikut di tapak bina / premis untuk disemak oleh pihak yang diberi kuasa.

- h) Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang akan digunakan (jika berkaitan).**
- i) Senarai perunding dan pekerja yang terlibat (jika berkaitan).**
- j) Maklumat penginapan pekerja.**
- k) Rekod pergerakan pekerja dan saringan gejala/ kesihatan pekerja, kebersihan dan pengurusan tapak bina / premis**
- l) Ikrar Akujanji CIDB**



MEMPAMERKAN TANGGUNGJAWAB DI DALAM SOP

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Mempamerkan tanggungjawab yang dinyatakan dalam SOP ini ditempat yang boleh dilihat.



KENDERAAN PENGANGKUTAN PEKERJA

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Kenderaan pengangkutan pekerja perlulah disediakan untuk pergerakan pekerja.
- b) Kenderaan pekerja hendaklah :
 - i. Menjalankan proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali selepas digunakan dan direkod untuk tujuan pemeriksaan
 - ii. Terhad kepada pergerakan diantara penginapan pekerja dengan tapak bina sahaja.





PEKERJA DI TAPAK PEMBINAAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Bilangan pekerja di tapak bina / premis hendaklah disesuaikan bagi membolehkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi. Digalakkan :
 - i. Pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja secara “sequence” atau “staggered” dilaksanakan.
 - ii. Mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/ premis;
 - iii). Mengadakan mesyuarat secara maya.
- b) Perkhidmatan Profesional / Perunding yang berurusan di tapak bina mestilah pada bilangan yang minima dan diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas yang kritikal.
- c) Amalan 3 W (Wash, Wear, Warn) iaitu kerap mencuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka dan amaran untuk tidak bersalaman, menutup mulut ketika bersin / batuk, melakukan disinfeksi dan mendapatkan rawatan ketika bergejala perlu dilaksanakan.
- d) Amalan 3 C/S (Crowded Places, Confined Space, Close Conversation) iaitu mengelak dari tempat sesak, tertutup dan sempit, serta mengelak dari bersempang secara dekat perlulah dilaksanakan.
- e) Semua pekerja (tempatan dan asing) di tapak bina wajib menjalani Ujian Pengesanan COVID-19 sebelum memulakan kerja.





PERGERAKAN PEKERJA PEMBINAAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Sekiranya kawalan sempadan negara dibuka,pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan bekerja dan masuk ke tapak bina dalam tempoh 14 hari bermula dari tarikh sampai ke Malaysia.
- b) Pekerja hendaklah membawa pas pekerja yang sah atau surat kebenaran majikan.
- c) Pekerja-pekerja binaan hendaklah dipantau dan dipastikan tidak bergaul dengan penduduk setempat.
- d) Memastikan keperluan harian pekerja seperti makanan tidak terputus dan disediakan.
- e) Semua pekerja binaan tidak dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain.





PERGERAKAN BAHAN BINAAN/BEKALAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Pergerakan masuk bahan/bekalan ke tapak bina/premis hendaklah direkodkan; dan
- b) Pemandu/Pembawa bahan/bekalan perlu diimbab suhu badan dan didaftarkan masuk sama ada melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon. Sekiranya suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius dan menunjukkan simptom COVID-19 seperti sakit tekak, batuk, susah bernafas atau selesema, tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan. Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer perlu diamalkan.



PENGURUSAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Melantik seorang atau lebih penyelaras bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja;
- b) Penyelaras boleh terdiri daripada:
 - i. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (“SHO”); atau
 - ii. Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (“OSH-C”); atau
 - iii. Penyelia Tapak Bina (“SSS”); atau
 - iv. Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
 - v. Pemilik syarikat.
- c) Pegawai Penguasa Projek dan Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kawalan pergerakan keluar dan masuk pekerja di tapak bina serta pematuhan SOP di tapak bina.
- d) Mewujudkan Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara pengurusan kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19).
- e) Menanggung kos pembersihan dan nyahkuman di tapak bina/premis.
- f) Menanggung kos dan menyediakan penginapan alternatif (sekiranya perlu) bagi tujuan kuarantin kontak rapat yang bekerja di tapak bina/premis.





APLIKASI MYSEJAHTERA

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) **Pekerja perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.**
- b) **Bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah dalam pengurusan kes positif COVID-19 dan kontak-kontak kepada kes.**
- c) **Melaporkan kes-kes positif kepada PKD dengan segera setelah mendapati terdapat kes-kes positif di tapak bina dan penginapan pekerja.**
- d) **Menyediakan kod QR MySejahtera di setiap tapak bina/Premis dan memastikan pekerja/pembekal/pelawat atau mana-mana orang yang ingin memasuki premis/tapak bina mendaftar masuk premis/tapak bina menggunakan MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon.**





DI PINTU MASUK TAPAK BINA/ PREMIS

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Merekod pergerakan keluar masuk tapak bina dan mengisytiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis untuk pengesanan kontak rapat;
- b) Mengimbas suhu badan dan menyaring gejala COVID-19 seperti demam, batuk,selesema, sakit tekak atau sesak nafas semua pekerja setiap hari dan direkod;
- c) Sekiranya suhu badan melebihi 37.5 celcius, atau mempunyai gejala COVID-19, pekerja tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan;dan
- d) Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer.





SEMASA MELAKUKAN KERJA PEMBINAAN

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) **Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja;**
- b) **Mengawal pergerakan keluar masuk;**
- c) **Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di antara pekerja diamalkan;**
- d) **Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama;**
- e) **Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimakan;**
- f) **Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi kehendak penjarakan fizikal;**
- g) **Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul;**
- h) **Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti face mask;**
- i) **Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer, dan sentiasa memakai face mask;**
- j) **Melaksanakan proses pembersihan dan nyahkuman di pejabat/premis mengikut Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi KKM; dan**
- k) **Pekerja yang mempunyai gejala COVID-19 hendaklah segera diasingkan, dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.**





PENGURUSAN WAKTU REHAT

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) **Memastikan tiada kesesakan di kantin/ tempat makan/ ruang rehat/ tempat solat dengan :**
 - i. **Mengatur waktu rehat dalam kumpulan kecil dan waktu beperingkat;**
 - ii. **Menyediakan beberapa lokasi tempat makan/rehat/solat.**
- b) **Memastikan hanya makanan berbungkus disediakan;**
- c) **Memastikan pengendali makanan memakai face mask serta sarung tangan ;dan**
- d) **Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak makan/rehat secara berkumpul dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.**



MAKLUMAN DAN HEBAHAN SOP

Perkara yang perlu dipatuhi :

- a) Sentiasa memperingatkan amalan pencegahan jangkitan COVID-19, antaranya, melalui siar raya, mempamerkan poster kesedaran dan teguran kepada pekerja.





NOTIS PERINGATAN !!!

Sila ambil maklum dengan notis peringatan

KKR menggesa semua penggiat industri pembinaan untuk mematuhi SOP pembinaan terkini bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mempertingkatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan SOP di tapak bina dan juga penempatan pekerja binaan. CIDB mempunyai kuasa untuk menutup tapak pembinaan dan juga mengenakan kompaun kepada tapak-tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan atau melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia), Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990) dan Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988). CIDB juga mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan tatatertib kepada mana-mana kontraktor yang di dapati bersalah yang akan mengakibatkan pendaftaran mereka di gantung atau dibatalkan.

Perincian syarat dan jenis kerja yang dibenarkan dinyatakan dengan jelas di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pembinaan yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai operasi sektor pembinaan di sepanjang tempoh PKP boleh diajukan kepada CIDB Careline di talian 03-5567 3300 (waktu operasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.30 petang).





ARAHAN TETAP

Sila ambil maklum berkenaan pematuhan arahan tetap seperti berikut :

- a) Peraturan 17 P.U. (A) 278/2021.**
- b) Akta 342.**
- c) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.**
- d) Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.**
- e) Mematuhi mana-mana SOP yang dikeluarkan oleh CIDB, MKN, KKM dan Agensi yang termasuk dalam rantai bekalan dan perkhidmatan.**
- f) Mematuhi undang-undang bertulis yang berkuatkuasa termasuk Akta 520, Akta 446 dan lain-lain Akta berkaitan.**
- g) Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).**
- h) Patient under investigation & person under surveillance, tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.**
- i) Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.**



SUMBER RUJUKAN

Sumber rujukan adalah seperti berikut :

- a) SOP CIDB semasa.
- b) SOP JPBNS (Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak) semasa.





Version 1.0
(23.08.2021)